



جَابَتَانِ پَلَا جَرَنْ نَكْرِيَاتِ تَرَنْغَانُو

JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU,  
JALAN BUKIT KECIL,  
20604 KUALA TERENGGANU.

Pejabat Am : 09-6213000, 09-6213001

Fax : 09-6238415

Fax Akademik : 09-6234335

Ruj. Kami : P.T.05012-02/1( 4 )

Tarikh : 3 Mac 2011

Semua Pegawai Pelajaran Daerah  
Negeri Terengganu.

Tuan,

**PENGEMASKINIAN DATA E-OPERASI 1 HINGGA 27 MAC 2011 PERINGKAT SEKOLAH  
NEGERI TERENGGANU**

Salam hormat, surat Jabatan P.T.05012-02/1(3) bertarikh 2 Mac 2011 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan, proses pengemaskinian ini melibatkan pengemaskinian di peringkat Penolong Kanan Pentadbiran dan Pengesahan oleh Pengetua/Guru Besar. Tindakan pengemaskinian ini juga boleh dibuat oleh guru sendiri khususnya bagi maklumat berkaitan pasangan, sejarah perkhidmatan dan alamat semasa.

3. Untuk makluman tuan, semua proses dan tindakan pengemaskinian ini diperincikan pada Manual Pengguna dan Bahan Taklimat sebagaimana yang telah diemailkan. Bagi memastikan proses pengemaskinian ini berjalan dengan lancar, mohon kepada semua **Penolong Pegawai Pelajaran Daerah Pengurusan Sekolah** memanjangkan *softcopy* ini (disertakan pada email semua PPD) ke semua sekolah di daerah tuan (SMK/SMKA/SMT/SBP/SABK/SK/SR/SJK(C)/SK Pendidikan Khas).

4. Sehubungan itu, mohon tuan :

4.1 Memastikan tindakan mengadakan taklimat oleh pihak pengurusan sekolah kepada semua guru diadakan sebelum atau pada 9 Mac 2011.

4.2 Memastikan tindakan pengemaskinian dan pengesahan oleh Penolong Kanan Pentadbiran dan Pengetua atau Guru Besar dilaksanakan sepenuhnya sebelum atau pada 24 Mac 2011.

5. Pihak jabatan akan memantau tindakan Pengemaskinian dan Pengesahan ini dari masa ke semasa di samping pemantauan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia. Sebarang pertanyaan berhubung dengan perkara ini boleh hubungi Encik Azwadi bin Amzah (Menengah) di talian 09-6213032 atau Encik Wahab bin Salleh (Rendah) di talian 09-6213327.

Perhatian dan kerjasama tuan dalam hal ini dirakamkan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"Melestarikan Pendidikan Terbilang"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

( ZAKARIAH BIN ALI )

Ketua Sektor,  
Sektor Pengurusan Sekolah,  
b.p. Pengarah Pelajaran Negeri Terengganu.

IBI/jesmi/pertukaran guru/surat siaran...kmie